



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI SABTU, 11 SYAABAN 1444 / 04 MAC 2023
(HARI KEDUA)**

1. Doa Selamat.

2. PERKARA IV - KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA:

- 2.1. Kertas No. 1 Tahun 2023 yang bertajuk "***Senarai Perintah-Perintah Darurat Yang Telah Diluluskan dalam tahun 2022 Menurut Fasal 83 Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam***" oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.
- 2.2. Kertas No. 2 Tahun 2023 yang bertajuk "***Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2023/2024***" oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah memberi izin bagi Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

3. PERKARA V - USUL-USUL YANG DIBERI NOTIS:

- 3.1. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah mencadangkan satu usul untuk menyebarkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

3.2. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyokong sepenuhnya dan seterusnya juga telah menyampaikan teks ucapan dalam membahaskan Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

3.3. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah membukakan bagi Usul Menjunjung Kasih tersebut untuk dibahaskan. Beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyokong usul yang dikemukakan dan telah ikut serta dalam membahaskan usul tersebut seperti berikut:

1. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
2. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim;
3. Yang Berhormat Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Othman;
4. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlwan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
5. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;
6. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;

7. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;
8. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
9. Yang Berhormat Dr. Haji Awang Mahali bin Haji Momin; dan
10. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 2.30 PETANG]

- 3.4. Majlis Mesyuarat bersidang semula dan menyambung membahaskan Usul Yang Diberi Notis. Beberapa orang Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan ucapan penangguhan:
 1. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty bin Haji Abdul Mumin;
 2. Yang Berhormat Awang Lau How Teck;
 3. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
 4. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee;
 5. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin;
 6. Yang Berhormat Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
 7. Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan;
 8. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
 9. Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat;
 10. Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong; dan
 11. Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.
- 3.5. Setelah mendengar 23 orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara membahaskan usul tersebut, majlis telah sebulat suara bersetuju untuk meluluskan Usul Yang Diberi Notis yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

4. **PERKARA VI - RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN 2023/2024**

- 4.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan Satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2023/2024, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** bagi bacaan pertama.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA ISNIN, 06 MAC 2023 PUKUL 2.30 PETANG]
